"Dijangka jika bersesuaian kaunselor JKM akan bertemu wanita itu bagi memberi kaunseling," katanya ketika dihubungi.

# Dakwa anak hilang ketika beli makanan, lelaki direman 7 hari

29 Julai 2025, 8:50am




**ISKANDAR PUTERI:** Bapa yang membuat laporan anaknya hilang ketika ditinggalkan sebentar dalam kereta untuk membeli makanan minggu lalu, kini direman tujuh hari selepas polis menemui mayat seorang kanak-kanak lelaki yang ditanam di Rompin, Jempol, Negeri Sembilan, petang semalam.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M Kumarasan, berkata lelaki tempatan berusia 36 tahun itu membuatkan laporan mengenai kehilangan anak lelakinya yang berusia enam tahun pada kira-kira jam 2.15 pagi, Khamis lalu.

"Dalam laporan dibuat bapa terbabit, dia mendakwa anaknya yang juga anak tunggal itu hilang sekitar jam 6 petang, Rabu lalu.

"Dia mendakwa mangsa hilang ketika ditinggalkan seorang diri di dalam kereta yang diparkir di kawasan berkenaan untuk membeli makanan.

"Namun tangkapan ke atas bapa kepada kanak-kanak yang hilang itu dibuat Khamis lalu kira-kira jam 12.20 tengah hari di pekarangan Ibu Pejabat Polis (IPD) Iskandar Puteri, untuk siasatan lanjut.

"Lelaki terbabit kini ditahan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah selama tempoh tujuh hari sejak Jumaat lalu sehingga 31 Julai atau lusa," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, Kumarasan berkata siasatan lanjut terhadap suspek membawa kepada penemuan mayat seorang kanak-kanak lelaki di kawasan Rompin, Negeri Sembilan pada Isnin.

"Suspek tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau dan ujian air kencing ke atasnya juga negatif dadah.

"Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu menganiaya, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda sehingga RM20,000 atau dipenjarakan sehingga 10 tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, siasatan lanjut diserahkan kepada Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol, Negeri Sembilan.

Bagaimanapun, Polis Daerah Iskandar Puteri akan meneruskan siasatan dari aspek laporan palsu oleh suspek berhubung kehilangan anaknya di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan.

# Kanak-kanak enam tahun mati akibat jerutan di leher



MAYAT kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang ditemukan di Rompin, Jempol semalam dibawa ke Johor Bahru, Johor selepas selesai proses bedah siasat di Hospital Rembau, hari ini.-UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

Oleh NOR AINNA HAMZAH 29 Julai 2025, 5:27 pm

SEREMBAN: Hasil bedah siasat ke atas mayat seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang ditemukan di Rompin, Jempol semalam mendapati punca kematiannya adalah disebabkan tekanan di leher akibar dijerut.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Ahmad Dzaffir Mohd. Yussof berkata, bedah siasat ke atas mayat kanak-kanak mengambil masa kira-kira empat jam bermula pukul 12 tengah hari tadi.

"Hasil bedah siasat ke atas si mati (kanak-kanak) mengesahkan punca kematian adalah disebabkan oleh tekanan di leher iaitu akibat jerutan cable tie (pengikat kabel).

"Tekanan di leher boleh menyebabkan kematian. Setakat ini, kes ini disiasat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Pakar patologis menganggarkan mangsa meninggal dunia pada 23 Julai di antara pukul 9 pagi hingga 11 pagi. Siasatan lanjut masih dijalankan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sementara itu, mayat kanak-kanak malang berkenaan di bawa ke Johor dari Unit Perubatan Forensik Hospital Rembau kira-kira pukul 4.26 petang tadi.

Ahli keluarga yang hadir terutamanya ibu kanak-kanak itu kelihatan bersedih serta sentiasa ditemani ahli keluarga yang lain.

Sebelum ini media melaporkan mayat seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun ditemukan di Rompin, Jempol, semalam.

Ahmad Dzaffir berkata, kira-kira pukul 4.30 petang, pihak polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jempol telah menerima maklumat penemuan mayat kanak-kanak di kawasan Rompin.

Hasil siasatan mendapati kejadian awal berlaku di Johor Bahru, Johor di mana seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun telah dilaporkan hilang di Taman Bukit Indah, pada 24 Julai lalu.

Katanya, kes berkenaan telah disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan orang hilang. Tangkapan telah dibuat oleh pihak polis Kontinjen Johor ke atas suspek iaitu seorang lelaki berusia 36 tahun.

Katanya, tindakan susulan telah membawa kepada penemuan mayat mangsa ditanam di kawasan Rompin, Jempol.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintenden Norhisham Mustapar pula berkata, siasatan awal di lokasi mendapati suspek menggunakan cangkul bagi menggali lubang sebelum menanam mayat kanak-kanak tersebut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Johor Asisten Komisioner M. Kumarasan berkata, suspek berusia 36 tahun telah diberkas pada pukul 12.20 tengah malam, 24 Julai lalu selepas lelaki itu membuat laporan tentang kehilangan anaknya iru.

Menurut Kumarasan, berdasarkan laporan dibuat, suspek memberitahu anak tunggalnya itu kononnya hilang semasa ditinggalkan seorang diri di dalam kereta pada 23 Julai di kawasan Bukit Indah, Johor Bahru.-UTUSAN

# Polis rampas cangkul guna tanam mayat anak

29 Julai 2025, 12:20pm




**JEMPOL:** Polis merampas sebilah cangkul yang dipercayai digunakan seorang lelaki untuk menggali lubang sebelum menanam mayat anak kandungnya berusia enam tahun di kawasan semak berhampiran landasan kereta api di Rompin, di sini.

Suspek berusia 36 tahun itu kini masih dalam tahanan polis Johor dan disyaki terbabit dalam kes pembunuhan tragik yang mengejutkan ramai pihak, selepas mayat kanak-kanak berkenaan ditemui petang semalam.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Norhisham Mustapar, berkata siasatan awal mendapati suspek menanam mayat anaknya di kawasan terpencil berhampiran Jalan Bahau – Rompin.

"Siasatan awal mendapati suspek menggunakan cangkul bagi menggali lubang sebelum menanam mayat kanak-kanak. Cangkul berkenaan turut ditemui polis.

"Soal siasat lanjut ke atas suspek akan dijalankan sebaik suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol beberapa hari lagi ,"katanya tadi.

Norhisham berkata, mayat kanak-kanak itu telah dihantar ke Hospital Rembau dan akan menjalani proses bedah siasat tengah hari ini.

Terdahulu, media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki yang dilaporkan hilang pada 24 Julai lalu di Taman Bukit Indah, Johor Bahru, ditemui ditanam di Rompin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GRIEF-STRICKEN FAMILY STRUGGLES TO ACCEPT MURDER OF 6-YEAR-OLD BOY | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 30 JUL 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**BODY FOUND BURIED IN ROMPIN**

# Grief-stricken family struggles to accept murder of 6-year-old boy

**REMBAU:** The family of M. Tishant, whose body was found buried in Negri Sembilan, is struggling to come to terms with a tragedy they never imagined would hit so close to home.

A man claiming to be the boy's granduncle said the family had always been heartbroken by news of children being abused.

"But this time, it happened to us. I can't sleep thinking about Tishant.

"Every time I close my eyes, I see his face. We were close. He used to call me 'grandpa'," he said when met at the Rompin Hospital where a post-mortem would be conducted.

The 6-year-old is believed to have been murdered before his body was found buried near a railway track in Rompin, Jempol, at 4.30pm on Monday, five days after he was reported missing on July 24.

The granduncle said the boy's mother had been inconsolable since Tishant went missing.

"She hasn't eaten and has been crying non-stop. The whole family is in shock. We are still trying to believe if this really happened."

In Johor, a neighbour of Tishant said he often heard the boy crying and his parents arguing in the months leading up to his disappearance. Tishant was the couple's only child.

Kamarudin Abdullah, 47, who lived next door to the family in Bandar Seri Alam here, said he was concerned about the tension in the household.

"I have been their neighbour for about a year. I often heard the boy crying and loud arguments between his parents.

"I didn't see Tishant for over a month," he said, adding that the boy's parents had stopped living at the house and would only drop by separately.

Checks showed that the double-storey low-cost terraced house remained locked, with no sign of occupancy.

Police discovered Tishant's body buried near a railway track in Rompin, Jempol, at 4.30pm on Monday, about five days after his father lodged a missing person report on July 24.

Negri Sembilan police chief Deputy Commissioner Datuk Ahmad Dzaffir Mohd Yussof said the body was found after Johor police arrested the boy's father on the same day he filed the report.

"Preliminary investigations showed the victim was murdered and buried in the Rompin area.

"The suspect led police to the location after being taken into custody," he said, adding that the case was being investigated under Section 302 of the Penal Code for murder.

Police also seized a hoe believed to have been used to bury the boy's body.

The boy's father is also being investigated for child neglect and for lodging a false report.

Iskandar Puteri police chief Assistant Commissioner M. Kumarasan said the suspect has been remanded for seven days, from July 25 to 31.

He said the suspect, in his report lodged on July 24, claimed his son had gone missing around 6pm on July 23 in Bukit Indah.

"He said the victim disappeared after being left alone inside a parked car while he went to buy some food," he said.

Although the case has been handed over to the Jempol district police's Criminal Investigation Department, Kumarasan said Iskandar Puteri police would continue investigations into child neglect and filing a false report.

Johor Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail urged the public to give the boy's mother and family space to grieve during this difficult time.

She said her office would reach out to Tishant's mother soon.

# Moyang terkilan nasib cicit, ibu masih trauma

Oleh Mary Victoria Dass - Julai 30, 2025 @ 12:13am




Mayat seorang kanak-kanak lelaki ditemui ditanam di Rompin, hari ini. - Foto ihsan pembaca

JOHOR BAHRU: "Mendiang cicit anak yang bijak, pandai berbahasa Inggeris selain penyayang. Malangnya kejadian berlaku beberapa hari selepas dia dibawa bapanya," kata moyang **kanak-kanak** berusia enam tahun yang maut dengan mayatnya ditemui tertanam di kawasan Rompin, Jempol hari ini.

Warga emas enggan dikenali itu berkata, dia terkilan dengan nasib menimpa cicitnya dan tidak menyangka mendiang diperlakukan seumpama itu.

Katanya, wajah mendiang berubah sama sekali dan tiada lagi keletah mendiang yang ceria dan manja.

"Dia memanggil saya dengan gelaran pai patti atau periya patti (moyang). Saya tidak tahu berapa lama dia (mendiang) tertimbus dalam tanah.

"Sanggup (tergamak) ada insan yang melakukan perkara itu," katanya ketika ditemui malam tadi.

Warga itu juga memaklumkan sejak mengetahui pemergian kanak-kanak terbabit, ibu mangsa trauma bahkan neneknya juga jatuh sakit.

"Ibunya sangat menyayangi mendiang, selalu merakam gambarnya. Kami tidak dapat bayangkan bagaimana dia akan mengharungi saat-saat ini.

"Kami (keluarga) hanya mampu berdoa, walaupun kami juga bukan kuat sangat untuk berdepan situasi ini," katanya.

Sejak 7 malam, ahli keluarga dan saudara mara mula berkumpul di kediaman nenek mendiang di Bandar Seri Alam, Masai di sini.

Van membawa mayat mendiang dari Unit Perubatan Forensik Hospital Rembau, Negeri Sembilan tiba di rumah keluarga pada 9.30 malam.

Bagaimanapun, ahli keluarga meminta media menghormati saat duka mereka dan tidak membuat liputan.

Difahamkan, upacara persemadian mayat akan dilaksana bermula 8 pagi esok dengan mayat dijangka dibawa ke krematorium Hindu di Jalan Kebun Teh di sini pada 10.30 pagi.

# Beri tempoh bertenang kepada keluarga kanak-kanak maut – Exco

29 Julai 2025, 4:46pm




Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Khairin-Nisa Ismail. Foto arkib NSTP

**JOHOR BAHRU:** Keluarga kanak-kanak lelaki yang ditemui ditanam di Rompin, Jempol, Negeri Sembilan, petang semalam perlu diberi ruang bagi menghadapi situasi sukar apabila kehilangan anak dalam keadaan tidak diduga.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Khairin-Nisa Ismail berkata, ibu mahupun keluarga mendiang perlu diberi ruang bagi mengharungi detik sayu itu.

Beliau berkata, pihaknya akan menghubungi ibu mendiang dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, malah pihaknya sedang menunggu laporan penuh daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor sebelum melawat keluarga berkenaan.

"Kami juga perlu memberi tempoh bertenang kepada ibu berkenaan memandangkan mereka baharu kehilangan anak.

"Dijangka jika bersesuaian kaunselor JKM akan bertemu wanita itu bagi memberi kaunseling," katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini, ibu kanak-kanak berkenaan dikenali sebagai 'Hema Malini' menerusi perkongsian beberapa hari lalu di 'JB TRACER II: Johor Bahru Traffic, Crime & Community', bersedia menawarkan RM10,000 kepada sesiapa yang dapat mengesan anaknya.

Hema Malini menyatakan, anaknya hilang sejak 22 Julai di sekitar Pasir Gudang, Johor.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri di Johor, Asisten Komisioner M Kumarasan, mengesahkan bapa yang membuat laporan anaknya hilang ketika ditinggalkan sebentar dalam kereta untuk membeli makanan minggu lalu, kini direman tujuh hari selepas polis menemui mayat kanak-kanak lelaki itu ditanam di Rompin, Jempol, Negeri Sembilan, petang semalam.

Lelaki tempatan berusia 36 tahun itu membuat laporan kehilangan anak lelakinya yang berusia enam tahun pada kira-kira jam 2.15 pagi, Khamis lalu, mendakwa anak tunggalnya itu hilang sekitar jam 6 petang Rabu lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FREQUENT CHILD CRIES HEARD | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 JUL 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Frequent child cries heard

## Neighbour recalls parents' recurring fights before boy's death

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The cries of a child and loud quarrels were frequently heard from the house in Seri Alam here.

But no one thought that the fights would lead to the tragic death of a six-year-old boy, who has been found murdered.

Neighbour Kamarudin Abdullah, 47, said the boy's parents could be heard fighting often.

"When they quarreled, the whole neighbourhood could hear," he said, adding that the couple kept to themselves and rarely interacted with other residents.

He said the family had moved to the neighbourhood about a year ago, but had not been seen for nearly a month prior to the incident.

"During this period, the husband and wife would return occasionally, but always at different times. I was shocked to hear the boy had died," he said yesterday.

Kamarudin added that he saw several people, believed to be relatives, at the family's house on Monday night, but they left a few hours later.

That same evening, the child's remains were found buried in Rompin, Negri Sembilan, some 200km away.

Negeri Sembilan police chief Datuk Ahmad Dzaffir Mohd Yussof told Bernama that a post-mortem at Rembau Hospital showed that the boy had been strangled with a cable tie.

Seri Alam OCPD Asst Comm Mohd Sohaimi Ishak said the victim's mother had lodged a police report on July 22, alleging that her husband assaulted her and forcibly took their son.

Two days later, the 36-year-old father lodged another report, claiming he had lost the child.

He told police that he had left the boy in a car near a kopitiam in Bukit Indah here at around 6pm on July 23 to buy food. When he returned, the child was missing.

Police, unconvinced by his explanation, arrested the man to assist in investigations. A hoe, believed to have been used to dig the boy's grave, has been recovered.

The suspect has been remanded for seven days until tomorrow.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

# Jiran dedah sering dengar tangisan mangsa dan ibu bapa bertengkar

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



Kediaman mangsa di Jalan Tasek 28 Bandar Seri Alam, Masai di sini dalam keadaan berkunci. FOTO Mary Victoria Dass

Pasir Gudang: "Saya berjiran dengan tiga beranak berkenaan sejak setahun lalu dan pernah mendengar tangisan mangsa selain bunyi bising ibu bapanya akibat bertengkar mulut," kata Kamarudin Abdullah, 47.

Kamarudin berkata, dia terkilan dengan nasib malang yang menimpa anak jirannya yang berusia enam tahun.

Menurutnya, beberapa hari lalu, dia difahamkan, kanak-kanak itu hilang dan sedang dikesan pihak berkuasa serta keluarga.

Katanya, dia tidak menyangka kanak-kanak lelaki yang dipercayai anak tunggal kepada pasangan berusia 30-an itu kini 'pergi' selamanya.

"Mangsa kelihatan normal dan sebelum ini, saya pernah berbual dengan pasangan itu namun mereka kurang bercampur dengan jiran.

"Rumah ini dipercayai milik keluarga wanita itu dan sebelum ini dihuni adik-beradik wanita berkenaan," katanya ditemui di kediamannya di Bandar Seri Alam, Masai, di sini, hari ini.

Kamarudin berkata, sejak sebulan lalu, pasangan itu tidak tinggal di kediaman berkenaan namun mereka hanya mengunjungi rumah itu sesekali secara berasingan.

Namun katanya, sudah hampir sebulan dia tidak melihat anak pasangan itu di kediaman berkenaan.

"Mereka mungkin keluar rumah. Namun saya tidak tahu punca atau permasalahan antara pasangan itu.

"Saya tidak sangka perkara seumpama ini berlaku, sebagai jiran saya turut berdukacita dengan kematian kanak-kanak berkenaan," katanya ketika ditemui di kediamannya di Jalan Tasek 28, Bandar Seri Alam, Masai di sini hari ini.

Sementara itu, tinjauan di kediaman mangsa mendapati rumah berkenaan berkunci.

Malam tadi, media melaporkan, mayat kanak-kanak berusia enam tahun yang dilaporkan hilang di kawasan Taman Bukit Indah, Iskandar Puteri, 24 Julai lalu, ditemukan ditanam di Rompin, Jempol, Negeri Sembilan.

Penemuan mayat kanak-kanak itu susulan penahanan lelaki berusia 36 tahun oleh polis Johor, semalam.

Kira-kira jam 4.30 petang semalam, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jempol menerima maklumat penemuan mayat di Rompin.

Mayat dibawa ke Hospital Rembau untuk prosedur bedah siasat.

Hasil siasatan awal mendapati, kejadian awal berlaku di Johor Bharu yang mana seorang kanak-kanak lelaki berumur enam tahun dilaporkan hilang.

Hasil siasatan, polis menahan suspek yang juga bapa mangsa. Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

**Disiarkan pada: Julai 29, 2025 @ 10:53am**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPM ARAH SIASAT SEGERA, JPN SABAH NAFI KES MURID DIBULI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 JUL 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPM arah siasat segera, JPN Sabah nafi kes murid dibuli

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pendidikan (KPM) mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah menjalankan siasatan segera terhadap kes buli membabitkan seorang murid di negeri itu, yang didakwa berlaku pada 2023.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, menyarankan waris murid berkenaan melaporkan perkara itu kepada JPN Sabah dan polis bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Sambil menuntut ia dibanteras pada semua peringkat, beliau menegaskan pihaknya tidak sesekali berkompromi dengan gejala buli.

"Tular hantaran di media sosial berkenaan kes buli membabitkan murid di sebuah sekolah di Sabah. Kes ini dikatakan terjadi pada 2023. Saya sudah minta pasukan JPN Sabah segera menyiasat perkara ini.

"Pada masa sama, saya menggesa ibu bapa atau penjaga murid terbabit tampil dan buat laporan kepada JPN Sabah atau kepada pihak polis supaya ia boleh disiasat dan diambil tindakan," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Raisin Saidin, dilaporkan sebuah portal berita sebagai menafi dakwaan berlaku kes buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, Limauan, Papar, pada 2023.

Beliau berkata, siasatan mendapati kes tersebut tidak berlaku di sekolah berkenaan, sebaliknya berlaku di sebuah sekolah lain dan kecederaan dialami mangsa bukan disebabkan insiden buli.

"Ya di sekolah lain, budak terlanggar tiang gol dan tiada kaitan buli. Kes juga telah selesai pada tahun yang sama dan ibu bapa murid telah menarik laporan polis," katanya.

**Kematian pelajar di Papar**

# 'Jika saya terus tindakan saman tragedi timpa Zara tidak berlaku'

## Bapa bekas pelajar dakwa anak cedera ditolak senior pada 2023, sekolah 'lepas tangan'

Oleh Sariha Mohd Ali
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** "Saya rasa bersalah atas kematian pelajar Tingkatan Satu sekolah agama di Papar, Zara Qairina Mahathir, 13, yang didakwa jatuh dari tingkat tiga bangunan asrama pada 16 Julai lalu.

"Jika saya teruskan tindakan saman terhadap pengurusan sekolah itu pada 2023 atas kecederaan dialami anak saya ketika itu, mungkin kes menimpa Zara Qairina tidak berlaku," kata Zakaria Bulkiah, dari Kampung Medan Paitan, Beluran, Sabah.

Zakaria yang juga imam rawatib berkata, faktor kemiskinan keluarganya menjadi punca beliau tidak dapat meneruskan tindakan saman itu yang memerlukan kos tinggi kerana perlu berulang-alik dari Beluran ke Papar sejauh 300 kilometer (km) atau hampir tujuh jam perjalanan berkereta.

Katanya, beliau amat kecewa dengan pengurusan sekolah itu yang gagal memaklumkan kejadian menimpa anak sulungnya pelajar Tingkatan Satu ketika itu, yang cedera teruk di mata dan terkoyak kening akibat ditolak ke tiang besi pagar sekolah oleh pelajar Tingkatan Tiga hanya kerana dia dan rakannya bermain bola di kawasan tidak dibenarkan.

"Anak saya yang ketika itu berdarah di wajahnya dan pengsan dibawa ke Hospital Papar, tetapi dipindahkan untuk rujukan doktor pakar di Hospital Queen Elizabeth (HQE) Kota Kinabalu, Sabah.

"Tidak ada warden asrama atau guru sekolah itu menghubungi saya atau ibunya bagi memaklumkan kejadian itu. Saya hanya tahu kes itu daripada ibunya (bekas isteri) yang tinggal di Tuaran dan bergegas ke hospital," katanya ketika dihubungi semalam.

Zakaria berkata, sepanjang anaknya dirawat di hospital dan bercuti sakit selepas itu, pengurusan sekolah masih tidak menghubunginya bagi menjelaskan kejadian berkenaan.

**Dakwa maklumat bercanggah**

Bagaimanapun, katanya, ketika membawa anaknya menjalani rawatan susulan di HQE selepas hampir dua minggu kejadian itu, tiga guru sekolah berkenaan mahu bertemunya, tetapi beliau enggan kerana masih marah dengan pengurusan sekolah yang bersikap 'lepas tangan'.

"Kening anak saya yang terkoyak terpaksa dijahit, selain cedera di kaki. Kejadian itu berlaku selepas tiga bulan anak saya masuk ke sekolah itu.

"Saya membuat laporan di Balai Polis Pitas sebelum kes ini dipindahkan ke Balai Polis Papar kerana kejadian berlaku di Papar. Sepanjang siasatan, saya kena berulang-alik ke Balai Polis Papar sejauh 300 kilometer atau tujuh jam perjalanan dan ini amat membebankan.

"Ketika siasatan, kami seakan-akan ditekan supaya menarik balik laporan kerana kononnya kenyataan bercanggah apabila anak saya memaklumkan individu yang menolaknya ke besi pagar ialah pelajar seniornya, tetapi polis memaklumkan orang yang mengaku melakukan kesalahan berkenaan ialah rakan sebayanya.



*Keadaan anak Zakaria cedera teruk di mata dan terkoyak kening akibat ditolak ke tiang besi pagar oleh pelajar Tingkatan Tiga.*

"Akibat kemiskinan kerana ketiadaan wang untuk saya berulang-alik ke Papar dan membayar kos guaman serta kasihan jika guru lain terpalit dalam kes itu, hasrat menyaman pengurusan sekolah terpaksa dibatalkan.

"Kini saya kesal kerana jika tindakan mahkamah itu diambil, mungkin pentadbiran sekolah akan lebih prihatin dengan isu pelajar, sekali gus kejadian menimpa Zara Qairina dapat dielakkan," katanya.

Mengulas adakah kes anaknya itu membabitkan kejadian buli kepada pelajar baharu, Zakaria berkata, anaknya yang menjadi pendiam akibat trauma dengan kejadian itu tidak bercerita lanjut mengenainya.

Katanya, anaknya mula bersekolah di situ pada akhir Mac 2023 dan kejadian menimpanya itu berlaku 24 Jun tahun sama.

Zakaria berkata, beliau mengeluarkan anak dari sekolah itu selepas kejadian berkenaan kerana hilang keyakinan terhadap pentadbiran sekolah yang lalai menjaga keselamatan pelajar asrama.

# Bekas pengetua nafi dakwaan terbabit tragedi

**Papar:** Bekas pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, Limauan, Datin Rosnih Nasir, menafikan pembabitan dalam tragedi mengorbankan pelajar sekolah itu, Zara Qairina Mahathir.

Rosnih menjelaskan sudah bersara dan tidak lagi terbabit dalam urusan pentadbiran sekolah ketika kejadian berkenaan.

"Saya terpanggil memberi penjelasan berhubung fitnah dan kekeliruan yang tular di media sosial membabitkan nama saya dalam insiden menyayat hati membabitkan Allahyarhamah adik Zara Qairina.

"Saya berkhidmat sebagai Pengetua SMKA Tun Datu Mustapha dari 10 Mac hingga 22 November tahun lalu sebelum bersara daripada perkhidmatan.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya sebarang dakwaan yang mengaitkan saya secara langsung atau tidak langsung dengan peristiwa tragik yang berlaku baru-baru ini.

"Perkara ini amat menyedihkan saya sebagai seorang ibu dan juga seorang pendidik," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook, semalam.

Rosnih turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarhamah dan mendoakan roh pelajar itu ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

"Semoga keluarganya diberikan kekuatan dan ketabahan menghadapi ujian ini," katanya.

Rosnih juga menyatakan sokongan penuh terhadap siasatan polis berhubung kes berkenaan.

"Saya percaya kebenaran akan terserlah apabila siasatan selesai," katanya yang mengakhiri kenyataan dengan tanda pagar #justiceforzara.

Zara Qairina yang juga pelajar Tingkatan Satu, ditemui kira-kira jam 3 pagi pada 16 Julai lalu, dalam keadaan parah di bawah bangunan asrama sebelum dihantar ke Hospital Queen Elizabeth untuk rawatan lanjut.

Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia pada jam 1 tengah hari keesokannya.

Semalam, polis menyatakan masih menjalankan siasatan berhubung kes berkenaan.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS PENGETUA KESAL NAMA KENA 'PETIK' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUL 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**KES KEMATIAN ZARA QAIRINA**

# Bekas pengetua kesal nama kena 'petik'

***Sudah lama bersara sebelum tragedi: Rosnih***

**Oleh Olivia Miwil**
olivia@nst.com.my

**Papar**

Bekas pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, Limauan tampil menafikan sebarang pembabitan dalam tragedi yang mengorbankan seorang pelajar sekolah itu Allahyarham Zara Qairina Mahathir.

Datin Rosnih Nasir menjelaskan bahawa beliau sudah bersara dan tidak lagi terbabit dalam sebarang urusan pentadbiran sekolah ketika insiden itu berlaku.

"Saya terpanggil untuk memberikan penjelasan berhubung fitnah dan kekeliruan yang sedang tular di media sosial membabitkan nama saya dalam insiden menyayat hati membabitkan Allahyarham adik Zara Qairina," katanya dalam kenyataan dimuat naik di Facebook.

Menurutnya, beliau hanya berkhidmat sebagai pengetua SMKA Tun Datu Mustapha dari 10 Mac hingga 22 November tahun lalu, sebelum bersara daripada perkhidmatan.

"Maka, saya menafikan sekeras-kerasnya sebarang dakwaan yang mengaitkan saya secara langsung atau tidak langsung dengan peristiwa tragik yang berlaku baru-baru ini.

> *Perkara ini amat menyedihkan saya sebagai seorang ibu dan juga seorang pendidik. Saya percaya kebenaran akan terserlah apabila siasatan selesai"*
>
> **Rosnih**

"Perkara ini amat menyedihkan saya sebagai seorang ibu dan juga seorang pendidik," katanya.

Rosnih turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Zara dan mendoakan agar roh pelajar itu ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

"Semoga keluarganya diberikan kekuatan dan ketabahan menghadapi ujian ini," katanya.

Beliau juga menyatakan sokongan penuh terhadap siasatan yang sedang dijalankan oleh polis berhubung kes berkenaan.

"Saya percaya kebenaran akan terserlah apabila siasatan selesai," tambahnya sambil mengakhiri kenyataan dengan tanda pagar #justiceforzara.

Zara, pelajar tingkatan satu, ditemui kira-kira jam 3 pagi, 16 Julai lalu, dalam keadaan parah di bawah bangunan asrama sebelum dikejarkan ke Hospital Queen Elizabeth untuk rawatan lanjut.

Namun, mangsa disahkan meninggal dunia pada jam 1 tengah hari, keesokan harinya.

Kelmarin, polis mengeluarkan kenyataan bahawa mereka masih menjalankan siasatan berhubung kes itu.



| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | TELITI TAK BENAR BUDAK BAWAH 13 TAHUN MILIKI AKAUN MEDIA SOSIAL | | |
| HARI : | RABU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 30 JUL 2025 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Teliti tak benar budak bawah 13 tahun miliki akaun media sosial

**Kuala Lumpur:** Kementerian Komunikasi sedang meneliti untuk tidak benarkan kanak-kanak di bawah 13 tahun mempunyai akaun media sosial.

***Menterinya Datuk Fahmi Fadzil*** berkata, bagi yang berusia 13 tahun ke atas, modul literasi digital perlu diberi kepada mereka agar fahami kerencaman maklumat sedia ada.

"Sekiranya ahli Yang Berhormat bertemu dengan mana-mana kumpulan pelajar bawah 13 tahun dan bertanya kepada mereka adakah anda mempunyai akaun TikTok, ramai yang akan kata ya.

"Ini sebenarnya satu kesalahan yang diakui pihak TikTok sendiri. Jadi, kita sedang teliti...salah satu caranya ialah bawah 13 tahun kita tidak benarkan mempunyai akaun media sosial," katanya sewaktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan ***Datuk Mumtaz Md Nawi (PN-Tumpat)*** berkait cadangan mewujudkan dasar khas kebangsaan bagi kesejahteraan kanak-kanak khususnya bagi kandungan dalam talian.

Fahmi memaklumkan sebanyak 1,443 kandungan jelik dan jelik melampau membabitkan kanak-kanak diturunkan penyedia perkhidmatan berikutan permohonan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Katanya, tindakan ini berikutan pelanggaran peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) serta garis panduan komuniti penyedia platform.

"Sebagai badan kawal selia industri komunikasi dan multimedia, MCMC ambil pendekatan menyeluruh memastikan kandungan memudaratkan seperti konten anomali, toksik dan merosakkan kognitif seperti *brain rot* dapat dikawal dan pendedahan terhadap pengguna muda termasuk remaja dan kanak-kanak dapat dicegah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TINDAKAN TEGAS SUDAH DIAMBIL PDRM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUL 2025 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

### 100,000 ALAMAT IP LAYARI PORNOGRAFI KANAK-KANAK

# Tindakan tegas sudah diambil PDRM

**Kuala Lumpur:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius isu pengesanan lebih 100,000 alamat Protokol Internet (IP) dari Malaysia yang mengakses laman web berkaitan pornografi kanak-kanak sepanjang tahun lalu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah** berkata, tindakan tegas serta menyeluruh sudah dan sedang diambil Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Selain itu katanya, kerjasama dengan agensi berkaitan juga dilaksanakan bagi membanteras jenayah eksploitasi seksual kanak-kanak dalam talian termasuk kes membabitkan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak.

Katanya, antara usaha dan tindakan yang dilakukan adalah PRDM bekerjasama dengan agensi lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) seperti melaksanakan operasi melalui Op Pedo Bersepadu PDRM-MCMC untuk melumpuhkan kegiatan ini.

"Di dalam operasi ini, seramai 13 individu telah ditangkap dan didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 292 Kanun Keseksaan," katanya sewaktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid** mengenai usaha dilaksanakan KDN susulan pengesanan lebih 100,000 alamat IP dari Malaysia didapati mengakses laman web pornografi kanak-kanak pada 2024.

Mengulas lanjut, Shamsul berkata, pelaksanaan operasi bersepadu di peringkat antarabangsa pula membabitkan enam negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun juga dilaksanakan melalui 'Operation Cyber Guardian' membawa kepada tangkapan empat individu dan didakwa di bawah seksyen sama.

**13**
Bilangan individu telah ditangkap dan didakwa di mahkamah

Katanya, PDRM juga bekerjasama rapat dengan MCMC untuk menyekat laman web yang memaparkan kandungan eksploitasi seksual kanak-kanak.

"Sehingga kini, ratusan laman web yang dikenal pasti disekat dan langkah penyekatan dijalankan secara berterusan," katanya.

Katanya, PDRM turut bekerjasama bersama agensi penguatkuasaan undang-undang global dengan menganggotai Violent Crime against Children International Task Force (VCACITF) yang diterajui oleh Federal Bureau of Investigation (FBI).

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | GOVT MAY AMEND CHILD PORN LAWS | | |
| HARI : | RABU | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 30 JUL 2025 | M/SURAT : | 08 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Govt may amend child porn laws

**THE** Home Ministry is reviewing the need to amend five laws to increase penalties and close legal loopholes related to child pornography. Deputy Home Minister Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah said the laws were the Film Censorship Act 2002, Printing Presses and Publications Act 1984, Sexual Offences Against Children Act 2017, Evidence Act 1950 and the Communications and Multimedia Act 1998. "We recognise that changes are occurring, which is why the police are committed to boosting enforcement against child sexual exploitation crimes."

# Lebih 100,000 akses laman pornografi kanak-kanak, KDN ambil tindakan tegas

Nasional - Dicipta: 29 Julai 2025 01:16 PM



*Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah/BERNAMA*

***KUALA LUMPUR, 29 Julai***- Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius pengesanan lebih 100,000 alamat IP dari Malaysia yang mengakses laman web berkaitan pornografi kanak-kanak sepanjang tahun lepas.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkata tindakan tegas dan menyeluruh sedang dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama agensi berkaitan, bagi membanteras jenayah eksploitasi seksual kanak-kanak secara dalam talian.

Menurut beliau, dua operasi utama telah dijalankan iaitu Op Pedo Bersepadu PDRM-MCMC di peringkat nasional yang membawa kepada 13 tangkapan dan pendakwaan serta Operation Cyber Guardian melibatkan enam negara termasuk Malaysia yang menyaksikan empat individu lagi ditahan.

Turut dilaksanakan, usaha menyekat laman web yang memaparkan kandungan eksploitasi seksual kanak-kanak dengan ratusan laman telah dikenal pasti dan disekat secara berperingkat.

"Tindakan tegas dan menyeluruh telah dan sedang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta kerjasama dengan agensi berkaitan bagi membanteras jenayah eksploitasi seksual kanak-kanak dalam talian," katanya semasa menjawab di Dewan Rakyat hari ini.

PDRM turut menganggotai pasukan khas antarabangsa Violent Crime against Children International Task Force (VCACITF) yang diterajui FBI, bagi memperkukuh kerjasama memerangi jenayah itu di peringkat global.

# Kandungan negatif: Penyedia platform diminta pastikan algoritma lebih telus

Nasional - Dicipta: 29 Julai 2025 02:55 PM



Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil/ Foto BERNAMA

***KUALA LUMPUR, 29 Julai*** - Kementerian Komunikasi kini mempergiat kerjasama dengan platform dalam talian seperti YouTube dan TikTok bagi membendung penyebaran kandungan berbahaya serta fenomena 'Brain Rot', khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Menterinya, Datuk Fahmi Fadzil, berkata sesi libat urus dengan penyedia platform diadakan secara berterusan bagi memastikan sistem algoritma lebih telus dan selaras dengan peraturan tempatan.

"Antara langkah kawal selia yang sedang dilaksanakan ialah memastikan algoritma platform digital tidak mendedahkan pengguna kepada kandungan negatif atau memudaratkan kognitif," katanya ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Tumpat, Datuk Mumtaz Md Nawi di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut beliau, bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 15 Julai 2025, sebanyak 1,443 kandungan jelik melibatkan kanak-kanak telah diturunkan oleh penyedia platform digital kerana melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta garis panduan komuniti platform berkenaan.

Dalam masa sama, kerajaan mengakui wujud cabaran besar dalam penguatkuasaan larangan umur, terutamanya terhadap kanak-kanak bawah umur 13 tahun yang menggunakan media sosial secara aktif.

"Kementerian kini sedang meneliti mekanisme penguatkuasaan lebih ketat terhadap larangan umur ini," tambah beliau.



Gambar hiasan

# Individu bawah 13 tahun mungkin tidak dibenar ada media sosial

Oleh MOHD RASDAN AHMAD 29 Julai 2025, 3:45 pm

KUALA LUMPUR – Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, kementeriannya kini sedang meneliti untuk tidak membenarkan kanak-kanak bawah 13 tahun mempunyai akaun media sosial.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu berkata, bagi individu yang berumur 13 tahun ke atas, modul literasi digital perlu diberi kepada mereka agar memahami kerencaman maklumat yang sedia ada.

"Sekiranya ahli Yang Berhormat bertemu dengan mana-mana kumpulan pelajar bawah 13 tahun dan bertanya kepada mereka adakah anda mempunyai akaun TikTok, ramai yang akan kata ya.

"Ini sebenarnya satu kesalahan yang diakui oleh pihak TikTok sendiri. Jadi, kita sedang teliti..salah satu caranya ialah bawah 13 tahun kita tidak membenarkan mempunyai akaun media sosial," katanya sewaktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mumtaz Md Nawi (PN-Tumpat) berkait cadangan mewujudkan dasar khas kebangsaan bagi kesejahteraan kanak-kanak khususnya bagi kandungan dalam talian.

Dalam pada itu, Fahmi memaklumkan sebanyak 1,443 kandungan jelik dan jelik melampau membabitkan kanak-kanak diturunkan penyedia perkhidmatan berikutan permohonan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Katanya, tindakan ini berikutan pelanggaran peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) serta garis panduan komuniti penyedia platform. – KOSMO! ONLINE.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | LELAKI KENA REMAN 7 HARI CEDERAKAN BUDAK GUNA TUKUL | | |
| HARI : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 30 JUL 2025 | M/SURAT : | 19 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Lelaki kena reman 7 hari cederakan budak guna tukul



*Tangkap layar rakaman CCTV menunjukkan seorang kanak-kanak cedera di kepala dipercayai diserang menggunakan tukul besi di Flat Ungku Tun Aminah, Johor Bahru, Sabtu lalu.* (Foto tular)

## Mangsa parah babit koyakan di kulit kepala, bengkak tangan akibat serangan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Polis menahan seorang lelaki dipercayai mencederakan seorang kanak-kanak perempuan menggunakan tukul besi dalam kejadian di Flat Ungku Tun Aminah di sini, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh, berkata polis mengesan rakaman video dimuat naik di sebuah laman sosial memaparkan seorang kanak-kanak perempuan mengalami pendarahan di kepala.

Beliau berkata, pada Sabtu lalu kira-kira jam 5.19 petang, Polis Daerah Johor Bahru Utara menerima laporan daripada orang awam yang mendakwa anak perempuannya diserang seorang lelaki menggunakan tukul besi.

"Bertindak atas maklumat, pada hari sama jam 7.25 malam sepasukan polis berjaya menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 39 tahun di kediamannya di sekitar Johor Bahru.

"Mangsa ialah kanak-kanak perempuan tempatan berusia 12 tahun dikejarkan ke Hospital Sultanah Aminah di sini dan kini dilaporkan stabil.

"Mangsa mengalami kecederaan parah membabitkan koyakan di kulit kepala serta bengkak pada tangan kanan akibat serangan berkenaan," katanya dalam kenyataan, di sini.

Terdahulu, tular video rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang memaparkan sekumpulan kanak-kanak bermain di bahagian bawah sebuah flat, sebelum seorang kanak-kanak meraung kesakitan dengan kepalanya dilihat berlumuran darah melarikan diri menaiki lif.

### Miliki pelbagai rekod jenayah

Mengulas lanjut, Balveer Singh berkata, semakan mendapati suspek memiliki pelbagai rekod jenayah lampau, termasuk dadah dan ujian air kencing ke atas suspek mendapati dia positif dadah.

"Suspek dibawa ke Mahkamah Johor Bahru dan direman tujuh hari bermula Ahad lalu hingga 2 Ogos ini," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan, iaitu sengaja menyebabkan kecederaan menggunakan senjata atau benda berbahaya dan jika disabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum sepuluh tahun atau denda atau sebatan atau dengan mana-mana dua hukuman itu.




| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARAH DIHENTAK TUKUL BESI | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUL 2025 | M/SURAT : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Parah dihentak tukul besi

*Lelaki ditahan 'serang' budak 12 tahun hingga koyak kulit kepala, bengkak tangan kanan*

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun koyak kulit kepala selain bengkak tangan kanan selepas dicederakan dengan tukul besi pada kejadian di Flat Taman Ungku Tun Aminah (TUTA) di sini, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata, suspek yang juga lelaki berjaya ditahan pada hari sama dan kini direman bermula kelmarin, hingga 2 Ogos ini.

Terdahulu, menurut beliau, polis mengesan rakaman video yang dimuat naik di sebuah laman sosial memaparkan seorang kanak-kanak perempuan mengalami pendarahan di kepala.

"Pada 26 Julai lalu, jam 5.19 petang, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Utara (JBU) menerima laporan daripada orang awam yang mendakwa bahawa anak perempuannya diserang seorang lelaki menggunakan tukul besi di kawasan flat berkenaan.

"Pada jam 7.25 malam, hari sama, kami menahan suspek yang juga warga tempatan berumur 39 tahun di kediamannya di sekitar Johor Bahru.

"Mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan keadaannya dilaporkan stabil," katanya pada kenyataan, semalam.

Sebelum ini, tular video rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berdurasi 2.19 saat yang memaparkan sekumpulan kanak-kanak bermain di bawah sebuah flat, sebelum seorang kanak-kanak meraung kesakitan dengan kepalanya berlumuran darah.

Mengulas lanjut, Balveer Singh berkata, hasil semakan, suspek memiliki pelbagai rekod kesalahan lampau jenayah termasuk dadah dan ujian air kencing mendapati, suspek positif Methamphetamine.

Kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.



KULIT kepala kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun koyak selain bengkak tangan kanan selepas dicederakan dengan tukul besi dalam kejadian di Flat Taman Ungku Tun Aminah (TUTA), Johor Bahru.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | GIRL, 12, HURT IN HAMMER ATTACK AT FLAT | | |
| HARI : | RABU | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 30 JUL 2025 | M/SURAT : | 11 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

TORN SCALP, SWELLING ON HAND

# GIRL, 12, HURT IN HAMMER ATTACK AT FLAT

39-year-old suspect, who tested positive for methamphetamine, has been remanded for 7 days

JASSMINE SHADIQE
**JOHOR BARU**
jashadiqe@nst.com.my

A 12-YEAR-OLD girl suffered injuries to her head in an alleged attack by a hammer-wielding man at the lift landing of a flat in Ungku Tun Aminah here last Saturday.

Johor Baru North police chief Assistant Commissioner Balveer Singh said the victim's parents lodged a police report regarding the assault at 5.19pm on the same day.

Police arrested a 39-year-old at his home about two hours after the attack. The suspect, who tested positive for methamphetamine, has a criminal record, including drug-related offences.

The closed-circuit television camera footage of the alleged assault has since gone viral.

In the video, the girl is seen screaming as she enters the lift with a head wound. But while the actual assault was not captured, her cries could be heard clearly in the recording.

Balveer said the victim was taken to Sultanah Aminah Hospital and treated for a torn scalp and swelling on her right hand.

The suspect has been remanded for seven days until Aug 2.

The case is being investigated under Section 324 of the Penal Code for voluntarily causing hurt with a dangerous weapon.

The offence carries a punishment of up to 10 years in prison, a fine, whipping or any combination of the three.

# Lelaki ditahan cederakan kanak-kanak dengan tukul besi

Jenayah - Dicipta: 29 Julai 2025 10:27 AM



*Foto RTM*

***JOHOR BAHRU, 29 Julai*** - Polis menahan seorang lelaki dipercayai mencederakan seorang kanak–kanak perempuan menggunakan tukul besi di Flat Ungku Tun Aminah, di sini 26 Julai (Sabtu) lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata, polis mengesan rakaman video yang dimuat naik di sebuah laman sosial memaparkan seorang kanak-kanak perempuan, 12 tahun mengalami pendarahan di kepala.

Serangan menyebabkan mangsa mengalami koyakan kulit di bahagian kepala dan bengkak di tangan kanan.

Ketika ini, mangsa dirawat di Hospital Sultanah Aminah, dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

Semakan mendapati suspek, 39 tahun memiliki pelbagai rekod lampau termasuk dadah, selain positif metamphetamine.

Suspek direman sehingga Sabtu ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

# Lebih sebulan diburu, warga asing suspek amang seksual ditahan

Juwan Riduan
am@hmetro.com.my



SUSPEK warga asing ditahan melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun. FOTO Ihsan PDRM

Penampang: Lelaki warga asing yang tular melakukan amang seksual terhadap pelajar perempuan di sebuah kedai runcit di Putatan, bulan lalu akhirnya diberkas polis, semalam.

Suspek berusia 34 tahun itu ditahan anggota dari Balai Polis Putatan kira-kira jam 6 petang ketika berada di tepi jalan sekitar Putatan.

Ketua Polis Daerah Penampang, Superintendan Sammy Newton berkata, suspek ditahan reman dan polis sedang melengkapkan kertas siasatan sebelum tindakan susulan diambil.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, pada 22 Jun lalu, tular video seorang wanita memarahi seorang lelaki di dalam sebuah kedai runcit di Pasir Putih, Putatan selepas lelaki terbabit didakwa melakukan perbuatan tidak senonoh terhadap anak perempuannya berusia 16 tahun.

Wanita berkenaan kemudian membuat laporan polis pada hari sama, sebelum siasatan dan usaha mengesan suspek dilancarkan pihak berkuasa.

**Disiarkan pada: Julai 29, 2025 @ 2:42pm**

# Polis buka kertas siasatan dakwaan amang seksual penyanyi terhadap kanak-kanak

29 Julai 2025, 8:09pm




*Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan. - FOTO FAIL NSTP*

**Oleh: Hilmi Abdul Malik**

**KUALA LUMPUR:** Polis telah membuka kertas siasatan berhubung dakwaan seorang penyanyi yang dipercayai melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak lelaki.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan mengesahkan, telah menerima laporan kes berkenaan.

"Ada (terima laporan). Kita dah jalankan siasatan," katanya ringkas ketika dihubungi Buletin TV3 hari ini.

Tambahnya lagi, perkembangan lanjut berhubung suspek akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Baru-baru ini, pempengaruh Ariz Ramli atau lebih dikenali sebagai Caprice mendedahkan berlaku perbualan yang agak jelik antara penyanyi berkenaan dengan seorang kanak-kanak lelaki.

Aduan itu dibuat ibu mangsa dengan mendakwa anaknya yang juga seorang pelakon mengalami perubahan drastik, selepas kerap berhubung dengan penyanyi irama tradisional itu.

Kes disiasat mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.